

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XV)18**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN  
YB. GOH CHOON AIK**

18. Apakah status tanah RIBI dan tanah perkuburan bukan Islam yang dirancang di Batu Kawan?
- (a) Apakah mekanisma pengagihan tapak-tapak RIBI?
- (b) Apakah perkembangan kes pencerobohan tanah kerajaan yang dijual untuk tujuan perkuburan swasta?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

18. Seluas 50 ekar tapak Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) telah diperuntukkan di dalam perancangan pembangunan Bandar Cassia, Batu Kawan dan kawasan pembangunan di sekitarnya. Tapak seluas 12.8 ekar di Bandar Cassia telah dikenalpasti sebagai tapak RIBI fasa 1 yang mana kerja-kerja perincian tapak sedang dijalankan. Manakala baki peruntukan akan dikenalpasti dari semasa ke semasa mengikut keperluan pembangunan di masa hadapan.

Peruntukan tanah perkuburan bukan Islam pula adalah seperti berikut:-

<b>Tanah perkuburan</b>	<b>Sediada (ekar)</b>	<b>Cadangan (ekar)</b>	<b>Jumlah</b>
Cina	19.28	16.0	35.28
Hindu	6.9	6.6	13.50
<b>Jumlah</b>	<b>26.18</b>	<b>22.60</b>	<b>48.78</b>

Peruntukan tanah perkuburan bukan Islam akan dilaksanakan setelah tanah perkuburan sediaada telah digunakan dengan sepenuhnya. **Lokasi** bagi tapak RIBI Fasa 1 dan Tanah Perkuburan Bukan Islam adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

- (a) Permohonan tapak lot RIBI boleh dibuat melalui permohonan rasmi kepada MBPP, MBSP, CMI, atau PDC sebagai pemegang amanah tapak RIBI dibawah Kerajaan Negeri untuk disewa/dijual kepada mana-mana persatuan dan penganut agama selain agama islam yang berminat. Setelah permohonan diterima oleh MBPP, MBSP, CMI dan PDC, maka pihak berkenaan akan mengangkat permohonan tersebut beserta senarai pemohon ke Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan RIBI yang di urusetiakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Pulau Pinang dan yang dipengerusikan oleh YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh untuk mendapat perakuan dan kelulusan.
- (b) Kes pencerobohan tanah kerajaan yang dijual untuk tujuan tanah perkuburan cina di Batu Kawan telah dihentikan melalui tindakan penguatkuasaan di bawah Seksyen 425 dan 426 Kanun Tanah Negara. Kertas siasatan sedang disediakan oleh pihak Pentadbir Tanah Seberang Perai Selatan untuk diangkat kepada Pejabat Penasihat Undang-undang Negeri bagi tujuan pendakwaan di mahkamah.

Pihak PDC selaku pihak yang berkepentingan dalam perancangan pembangunan tanah Kerajaan di Batu Kawan sedang mengadakan perbincangan dengan sebuah NGO yang telah dikenalpasti dengan persetujuan Kerajaan Negeri untuk memuktamadkan pengurusan tanah perkuburan Cina di Batu Kawan. Semua tindakan perlu sentiasa dilaporkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tanah Negeri (JKTN) untuk persetujuan Pihak Berkuasa Negeri."

# Lokasi RIBI Fasa 1 dan Tapak Kubur Cina & Hindu Di Batu Kawan

